KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	10.02.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JPSM			

JAS sudah lulus, baru Kelantan tebang

Oleh YATIMIN ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Setiap projek mengeluarkan hasil di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) di Kelantan sudah mendapat kelulusan Laporan Kesan Penilaian Alam Sekeliling (EIA) sebelum diteruskan.

Justeru, Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah menyangkal dakwaan aktivis alam sekitar, Meor Razak Meor Abdul Rahman bahawa pihaknya lemah dalam mengawal sumber hutan negeri ini.

"Setiap projek mesti ada kelulusan alam sekitar. Tujuannya untuk pastikan projek berjalan mengikut prosedur dan tidak merosakkan hutan. Projek hanya berjalan apabila ada kelulusan ini.

"Macam mana hutan boleh musnah kalau kita sudah ikut prosedur alam sekitar? Kalau sudah ikut arahan pun berlaku kerosakan, salah siapa? Salah kerajaan negeri atau agensi?" Soalnya ketika ditemui selepas Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Kelantan, di sini semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan dakwaan Meor Razak bahawa projek ladang hutan dan perlombongan di HSK menjadi punca kepupusan harimau serta konflik haiwan liar itu dengan manusia di Kelantan.

Mengulas lanjut, Mohd. Amar berkata, memandangkan setiap proses penebangan hutan yang dijalankan hanya dibuat selepas mendapat kelulusan JAS, situasi itu jelas menunjukkan tiada aktiviti salah guna kuasa berlaku.

Malah kata beliau, sebagaimana kenyataan Meor Razak tentang 28 peratus daripada HSK digunakan untuk ladang hutan, ini bermakna terdapat 72 peratus lagi baki HSK yang tidak diusik.

"Takkan bila kita luluskan 28 peratus, ia boleh jejaskan seluruh negeri? Yang kita tak usik dalam 72 peratus lagi kenapa tidak diperbesarkan perkara itu," katanya.



KERAJAAN Kelantan hanya melakukan proses penebangan hutan di negeri itu selepas mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar bagi menjamin tidak berlaku kerosakan kepada hutan.